



IBU PEJABAT KASTAM DIRAJA MALAYSIA  
BAHAGIAN KASTAM  
ARAS 10, BLOK 2G1B, KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN  
NO. 3, PERSIARAN PERDANA,  
PRESINT 2,  
62596 PUTRAJAYA.

No. Tel : 03-8882 2649  
No. Fax : 03-8882 2656



Ruj. Kami : KE.HE(83)411/35 Klt.8 (75)

Tarikh : 22 Februari 2010

Pioneerfeed Bioscience Sdn. Bhd.  
No. B22, Jalan FZ 4 - P3,  
Port Klang Free Zone / KS 12,  
42920 Pulau Indah  
Selangor  
MALAYSIA

**KELULUSAN UNTUK BEROPERASI SEBAGAI *AUTHORISED ECONOMIC OPERATOR* (AEO)**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa susulan daripada keputusan Mesyuarat Pasukan Petugas Khas Projek Pembangunan Port Klang Free Zone Bil. 2/2010 pada 18 Januari 2010 dan arahan Kementerian Kewangan yang dikeluarkan berikutannya, syarikat tuan adalah diluluskan untuk beroperasi sebagai *Authorised Economic Operator* (AEO).

3. Kelulusan ini diberi untuk tempoh enam bulan bermula 22 Februari 2010 sehingga 21 Ogos 2010 dengan syarat tuan memenuhi kriteria AEO yang ditetapkan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Sebagai AEO, syarikat tuan akan tertakluk kepada kehendak Skim AEO yang dikendalikan oleh JKDM serta *SAFE Framework of Standards* (FoS) yang ditetapkan oleh Pertubuhan Kastam Sedunia (WCO).

4. Skim AEO menyediakan beberapa kemudahan dan untuk menggunakannya syarikat hendaklah terlebih dahulu mengambil tindakan berikut:

- 4.1 Menyediakan prasarana sistem syarikat yang dapat memenuhi keperluan sistem AEO;
- 4.2 Mendapatkan AEO Smartcard; dan
- 4.3 Mengikuti program latihan berkaitan Skim AEO yang tarikhnya akan ditentukan bersama.